



PRODUK KEBERSIHAN SANITISER DAN DISINFECTANT

CONTOH

- 1) Hand Sanitiser
- 2) Hand-Rub
- 3) Disinfectant

KATEGORI

Tertakluk kepada isi kandungan dan kegunaan khusus produk tersebut, ianya boleh dikategorikan sebagai:

- 1) Produk kosmetik.
- 2) Produk ubat.
- 3) Produk kimia (produk yang bukan khusus untuk kegunaan manusia dan anggota badan).

ISI KANDUNGAN

Tertakluk kepada jenis *sanitiser / disinfectant*, isi kandungan yang sering digunakan adalah seperti:

- 1) Alkohol seperti *denatured alcohol*, *isopropyl alcohol*, *ethanol*
- 2) Chlorhexidine
- 3) *Benzethonium chloride*
- 4) *Benzalkonium chloride*

KAWALAN DAN PERATURAN

Produk kebersihan seperti *sanitiser* dan *disinfectant* adalah di bawah kawalan Kementerian Kesihatan melalui Jabatan Perkhidmatan Farmasi di bawah akta dan peraturan-peraturan yang berkaitan:

- Peraturan Ubat, 2007.
- Peraturan Ubat (Produk Kosmetik), 2007.
- Akta Racun, 1956.
- Misuse of Drugs Regulation, 1978.

PENGUNAAN HAND SANITISER / DISINFECTANT

Jika awda tidak mempunyai akses untuk mencuci tangan dengan menggunakan sabun dengan air dan selepas melawat saudara-mara di hospital, sila gunakan produk yang mengandungi sekurang-kurangnya kadar alkohol sebanyak **60%**.

MENCUCI TANGAN

Jika tangan awda adalah ternyata kotor, mencuci menggunakan sabun dengan air adalah disarankan.

Mencuci tangan adalah mustahak dan disarankan:

- Sebelum, semasa dan selepas menyediakan makanan.
- Sebelum makan.
- Sebelum dan selepas menjaga orang yang sakit.
- Sebelum dan selepas merawat luka.
- Selepas menggunakan tandas, menukar lampin.
- Selepas menyentuh hingus, batuk atau bersin.
- Selepas menyentuh binatang, makanan binatang atau najis binatang.
- Selepas menyentuh / mengendalikan sampah.
- Jika tangan ternyata kotor dan berminyak.

RUJUKAN

- [WHO Guidelines on Hand Hygiene in Health Care](#)
- [Centre Disease Control \(CDC\) Handwashing and hand sanitizer use at home, at play and out and about](#)



PRODUK KEBERSIHAN SANITISER DAN DISINFECTANT

PENGIMPOTAN BAGI PENJUALAN

Pengimpot perlu mendapatkan lesen dan/atau kebenaran sebelum pengimpotan *sanitiser* dan *disinfectant* dari Kementerian Kesihatan melalui Jabatan Perkhidmatan Farmasi.

Pengimpot adalah dinasihatkan untuk menyediakan:

- Sampel/ katalog produk / gambar produk yang jelas dari semua sudut;
- *Material Safety Data Sheet* (jika ada);
- Isi kandungan penuh produk;

untuk membolehkan penetapan kategori yang berpatutan bagi tindakan selanjutnya.

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Produk kosmetik & Produk ubat:

Bahagian Regulatori Produk

Tingkat 2, Bangunan Jabatan Perkhidmatan Farmasi
Simpang 433, Kg Madaras
Lebuhraya Rimba

Emel: cosmetic@moh.gov.bn

Nombor telefon: 2393298 ext 221/225

Produk Kimia:

Bahagian Komplians dan Perlesenan

Tingkat 1, Bangunan Jabatan Perkhidmatan Farmasi
Simpang 433, Kg Madaras
Lebuhraya Rimba

Emel: pharmacy.enforcement@moh.gov.bn

Nombor telefon: 2393298 ext 208

Waktu pertanyaan:

Isnin - Khamis dan Sabtu

8 pagi hingga 11.45 pagi

1.45 petang hingga 4 petang

PENGIMPOTAN BAGI KEGUNAAN PERSENDIRIAN

Pengimpot adalah disarankan untuk mendapatkan kebenaran terlebih dahulu dari Kementerian Kesihatan melalui Jabatan Perkhidmatan Farmasi sebelum mengimpot *sanitiser* dan *disinfectant* bagi kegunaan persendirian.

Pengimpot perlu menghadapkan maklumat seperti:

- Invois;
- Sampel/ katalog produk / gambar produk yang jelas dari semua sudut;
- Surat pengakuan bagi kegunaan persendirian jika jumlah adalah melebihi kegunaan satu orang;
- Salinan kad pengenalan bagi setiap pengguna;

bagi penelitian Bahagian Komplians dan Perlesenan sebelum surat kebenaran dikeluarkan. Surat kebenaran tersebut perlu dihadapkan ke pihak Kastam.

Bagi pengimpot yang sudah membawa masuk *sanitiser* dan *disinfectant* yang belum mendapatkan surat kebenaran daripada Bahagian Komplians dan Perlesenan adalah dikehendaki untuk mengisytiharkan produk tersebut kepada pegawai kastam dimana Notis Tahanan (*Notice of Seizure*) akan dikeluarkan. Pengimpot perlu membawa *Notice of Seizure* bersama dengan maklumat-maklumat yang dinyatakan di atas ke Bahagian Komplians dan Perlesenan.

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Bahagian Komplians dan Perlesenan

Tingkat 1, Bangunan Jabatan Perkhidmatan Farmasi
Simpang 433, Kg Madaras
Lebuhraya Rimba

Emel: pharmacy.enforcement@moh.gov.bn

Nombor telefon: 2393298 ext 208

Waktu pertanyaan:

Isnin- Khamis dan Sabtu

8 pagi hingga 11.45 pagi

1.45 petang hingga 4 petang